



## KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)

Public Service Department Of Malaysia (PSD)

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 PUTRAJAYA

MALAYSIA



Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my  
E-mel (E-mail): zabidi@jpa.gov.my

JPA.BK(S) 134/2/8 Jld.4 ( 3 )

03 September 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/YBhg.Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN PENAMATAN PEMANGKUAN BAGI PEGAWAI YANG SEDANG MEMANGKU YANG DIKENAKAN HUKUMAN TATATERTIB

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB/YBhg.Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan, Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bil. 5 Tahun 2013 pada 17 Julai 2013 telah memutuskan bahawa pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib dalam tempoh pemangkuan hendaklah **ditamatkan pemangkuan berkuat kuasa mulai tarikh hukuman dikenakan**. Oleh yang demikian, kerjasama YB/YBhg.Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memasukkan klausa berikut dalam surat arahan penempatan pemangkuan kepada pegawai:

***"Tuan juga akan ditamatkan pemangkuan jika dikenakan hukuman tata tertib dan penamatan pemangkuan ini berkuat kuasa mulai tarikh hukuman tata tertib tersebut".***

Contoh surat arahan penempatan pemangkuan adalah seperti di **Lampiran A**.

**SULIT**

**Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam**

*Driving Transformation In The Public Service*



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SJIL : MY-AR-4697


## **SULIT**

3. Sekiranya pegawai yang sedang memangku telah dijatuhkan hukuman tatatertib, Ketua Jabatan hendaklah mengeluarkan **notis pemberitahuan penamatan pemangku** kepada pegawai dan disalinkan kepada Urus Setia Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan dalam tempoh **tujuh (7)** hari bagi tujuan pemakluman kepada Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan dan rekod. Contoh notis pemberitahuan penamatan pemangku adalah seperti di **Lampiran B**.
4. Ketua Jabatan perlu memastikan Elaun Pemangku yang diterima pada gred yang dipangku dihentikan mulai tarikh hukuman tatatertib dikenakan.
5. Keputusan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)

**CONTOH SURAT ARAHAN PENEMPATAN PEMANGKUAN**

**SULIT**

Ruj. Kami :  
Tarikh :

Nama Pegawai  
No. Kad Pengenalan  
Kementerian

Melalui  
dan  
Salinan kepada Ketua Jabatan

Tuan,

**PEMBERITAHUAN PEMANGKUAN DAN PENEMPATAN PEGAWAI...(SKIM PERKHIDMATAN) GRED ... DI KEMENTERIAN**

...

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan, **Encik...**, K.P.: ... Pegawai ... (skim perkhidmatan) Gred ..., Kementerian ... ditempatkan sebagai Pegawai ... di ... memangku Gred ... dengan dibayar elaun memangku berkuat kuasa mulai ....
3. Sekiranya tuan tidak melaporkan diri dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh yang ditetapkan, maka tuan dianggap telah menolak pemangkuan ke jawatan tersebut.
4. Sepanjang tempoh pemangkuan ini, prestasi tuan akan dinilai dalam tempoh sekurang-kurangnya **satu (1) tahun**. Tuan boleh ditamatkan pemangkuan jika tidak menunjukkan prestasi yang baik di gred jawatan yang dipangku dan tidak memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan. Tuan juga akan **ditamatkan pemangkuan jika dikenakan hukuman tatatertib** dan penamatkan pemangkuan ini berkuat kuasa mulai tarikh hukuman tatatertib tersebut.

**SULIT**

**CONTOH SURAT ARAHAN PENEMPATAN PEMANGKUAN**

**SULIT**

5. Selepas tempoh 1 tahun, tuan akan dipertimbangkan kenaikan pangkat sekiranya menunjukkan prestasi yang baik dan memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam tempoh pemangkuan tersebut.
6. Ketua Jabatan yang berkenaan diminta melaksanakan penempatan ini dan mengambil tindakan selanjutnya mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2000 serta mengemas kini data pegawai di dalam **Sistem HRMIS** dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2005.
7. Kementerian ini mengucapkan tahniah dan diharapkan tuan akan dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk perkhidmatan awam dan negara.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(.....)  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian ...

**CONTOH NOTIS PEMBERITAHUAN PENAMATAN PEMANGKUAN**

**SULIT**

Ruj. Kami :

Tarikh :

Nama Pegawai  
No. Kad Pengenalan  
Kementerian/Jabatan

Tuan,

**NOTIS PEMBERITAHUAN PENAMATAN PEMANGKUAN ...,  
PEGAWAI (SKIM PERKHIDMATAN) GRED ... KE GRED ... DI  
KEMENTERIAN ...**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa tuan adalah dengan ini **ditamatkan pemangkuan ke Gred ... di Kementerian ... mulai tarikh hukuman tata tertib dikenakan iaitu .... Sehubungan dengan itu, Elaun Pemangkuan tuan adalah dihentikan mulai tarikh berkenaan.**
3. Notis pemakluman ini adalah selaras dengan perenggan ... surat arahan pemangkuan tuan yang dikeluarkan oleh Kementerian ini bil. ... bertarikh.... seperti berikut:

***“Tuan juga akan ditamatkan pemangkuan jika dikenakan hukuman tata tertib dan penamatan pemangkuan ini berkuat kuasa mulai tarikh hukuman tata tertib tersebut”.***

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(.....)

b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian ...

**SULIT**

**CONTOH NOTIS PEMBERITAHUAN PENAMATAN PEMANGKUAN**

**SULIT**

**s.k.:**

Urus Setia  
Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA